



## GARIS PANDUAN PELESENAN ANJING



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
JABATAN PELESENAN  
TINGKAT 2, TERMINAL BAS PORT DICKSON,  
71009 PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
LAMAN WEB : [www.mppd.gov.my](http://www.mppd.gov.my)  
EMEL : [jpl@mppd.gov.my](mailto:jpl@mppd.gov.my)  
NO. TELEFON : 06-6463203/2057/2069**

## **GARIS PANDUAN PELESENAN ANJING**

**MPPD-GP (JPL) -09/2024**



## GARIS PANDUAN PELESENAN ANJING

### 1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberikan panduan kepada pemohon yang mempunyai anjing peliharaan dan perlu membuat permohonan bagi mendapat kebenaran dan kelulusan Majlis Perbandaran Port Dickson.

### 2. ASAS PERUNDANGAN / PUNCA KUASA

- 2.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 2.2 Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembibitan Anjing (MPPD) 2010

### 3. PENGENALAN

Seksyen 3(1), UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembibitan Anjing (MPPD) 2010 telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara atau melindungi seseekor anjing yang telah mencapai umur 3 bulan melainkan jika anjing itu dilesenkan di bawah UUK tersebut.

### 4. KAEADAH PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dibuat secara dalam talian menerusi <http://mylesen.mppd.gov.my/#/main> atau
- 4.2 Borang permohonan boleh juga didapati di Kaunter Jabatan Pelesenan MPPD, Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson.

### 5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon perlu menyediakan dokumen berikut:
  - i. Surat Perakuan Status Vaksinasi Anjing
  - ii. Salinan Gambar Keseluruhan Anjing
  - iii. Salinan Borang Pengesahan Pemandulan Anjing
  - iv. Borang Persetujuan Jiran Membenarkan Memelihara Anjing



## GARIS PANDUAN PELESENAN ANJING

SYARAT ANJING PELIHARAAN	
<b>Umur</b>	3 bulan dan ke atas hendaklah dilesenkan
<b>Jenis kediaman</b>	Maksimum 2 ekor sahaja bagi keluasan rumah kurang 1000 meter persegi. Contoh: rumah teres
	Maksimum 4 ekor anjing sahaja bagi keluasan rumah melebihi 1000 meter persegi. Contoh: banglo
	Bangunan bertingkat adalah tidak dibenarkan kecuali tingkat bawah sahaja. Contoh: pangsapuri, flat, kondominium, rumah pangsa
<b>Pemandulan anjing dan suntikan vaksin</b>	Adalah diwajibkan dan mendapat pengesahan daripada Pejabat JPV atau mana-mana Doktor Veterinar yang bertauliah.
<b>Sangkar</b>	Rumah atau sangkar anjing hendaklah diselenggarakan dalam keadaan bersih dan sempurna setiap masa.

- 5.2 Setelah selesai mendapatkan sokongan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) atau klinik haiwan, pemohon boleh melengkapkan permohonan lesen anjing atas talian. Sila ambil gambar surat pengesahan dan surat perakuan tersebut untuk dimuat turun naik semasa permohonan dibuat.
- 5.3 Jenis-jenis baka anjing yang dibenarkan dan tidak dibenarkan seperti yang telah disenaraikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia seperti berikut:

Jenis Baka Anjing Dibenarkan Memelihara		Jenis Baka Anjing Tidak Dibenarkan Memelihara
Anjing Kecil	Anjing Terkawal	
<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Miniature Pinsher</li> <li>✓ Bichon Frise</li> <li>✓ Pekingese</li> <li>✓ Papillon</li> <li>✓ Poodle (Toy)</li> <li>✓ Japanese Chin</li> <li>✓ Maltese</li> <li>✓ Pomeranian</li> <li>✓ Chihuahua</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Rottweiler</li> <li>✓ Doberman</li> <li>✓ German Shepard/Alsatian termasuk Belgian Shepard dan East European Shepard</li> <li>✓ Bull Mastiff</li> <li>✓ Bull Terrier</li> <li>✓ Perro de Presa Canario (dikenali sebagai Canary Dog)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pit Bull Terrier/Pit Bull (juga dikenali sebagai American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffdordshire Terrier, Staffdordshire Bull Terrier)</li> <li>➤ American Bulldog</li> <li>➤ Neapolitan Mastiff</li> <li>➤ Japanese Tosa</li> <li>➤ Akita</li> <li>➤ Dogo Argentino</li> <li>➤ Fila Braziliero</li> </ul>



## GARIS PANDUAN PELESENAN ANJING

### 6. SYARAT-SYARAT PELESENAN ANJING DAN PENGUATKUASAAN

- 6.1 Pemilik lesen anjing hendaklah memastikan bahawa anjing itu diberi makan dan diselenggara dengan sempurna.
- 6.2 Pemilik lesen anjing hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan anjing tidak menyalak yang tanpa henti, tidak berkeliaran atau merayau di luar kawasan premis atau kediaman, menggigit atau mengganggu orang awam yang berada di tempat tumpuan awam.
- 6.3 Pemilik lesen anjing hendaklah mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak membuang najis atau kencing di tempat tumpuan awam.
- 6.4 Mana – mana anjing yang didapati berkeliaran di tempat awam, berpenyakit, dipelihara tanpa lesen, menimbulkan kacau ganggu kepada orang lain atau anjing dipelihara di tempat yang tidak dibenarkan akan dirampas, ditangkap dan dilupuskan.
- 6.5 Pemilik lesen anjing dikehendaki mempamerkan papan tanda “AWAS ANJING GARANG” bagi di tempat yang mudah dilihat oleh orang awam iaitu di hadapan pagar kediaman bagi memudahkan pemantauan oleh pihak MPPD.
- 6.6 Pemilik kediaman yang gagal mematuhi syarat – syarat di atas akan dikenakan kompaun tidak melebihi daripada RM500.00, denda RM1,000.00 atau penjara tidak lebih daripada enam (6) bulan atau kedua – duanya sekali mengikut peruntukan UUK Pelesenan Anjing & Rumah Pembelaan Anjing MPPD 2010.

### 7. PROSES PERMOHONAN LESEN

- 7.1 Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan Borang Permohonan Lesen Anjing secara dalam talian atau secara bertulis. Borang yang tidak lengkap tidak akan diterima dan akan dikembalikan untuk dilengkapkan bersama-sama dokumen lain yang berkaitan.
- 7.2 Setelah borang lengkap diisi, borang hendaklah dihantar ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson untuk semakan borang permohonan dan dokumen sokongan bagi tujuan pendaftaran permohonan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diterima dan didaftarkan.
- 7.3 Pegawai teknikal akan membuat semakan dan pemeriksaan di tapak untuk melihat pematuhan syarat lesen anjing dan akan menyediakan laporan ulasan untuk dipertimbangkan.



## GARIS PANDUAN PELESENAN ANJING

- 7.4 Surat pemakluman kelulusan permohonan akan dikeluarkan berdasarkan kepada keputusan Pengarah Jabatan Pelesenan.
- 7.5 Pemohon perlu hadir ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson setelah mendapat kelulusan bagi tujuan proses pembayaran serta pengeluaran lesen.

### 8. PIAGAM PELANGGAN

Permohonan lesen anjing akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja menghadirkan diri ke kaunter Jabatan Perlesenan MPPD untuk mendapatkan lencana logam MPPD. Pemohon hendaklah membuat bayaran dalam tempoh 3 hari bekerja dan sekiranya gagal, permohonan tersebut akan dibatalkan.

### 9. KADAR BAYARAN LESEN

Bayaran lesen anjing adalah sebanyak RM20.00 (1 tahun) bagi setiap ekor anjing. Anjing yang telah dilesenkan hendaklah sentiasa memakai lencana logam/ lain - lain tanda pengenalan yang dikeluarkan oleh MPPD.

### 10. TEMPOH LESEN

Lesen ini akan tamat tempohnya pada 31 Disember pada setiap tahun lesen itu dikeluarkan.

### 11. PEMBAHARUAN DAN PEMBATALAN LESEN

Setiap lesen hendaklah diperbaharui dalam bulan 2 Januari sehingga 28 Februari setiap tahun. Sekiranya anjing peliharaan mati, pemilik hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Pelesenan, bagi tujuan pembatalan lesen.

## 12. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN

